

Oleh Suliati Asri  
suliati@hmetro.com.my

**P**ermulaan perjalanan seseorang menuju ke arah menjalani gaya hidup lebih sihat kebiasaannya dipenuhi pelbagai cabaran dan kesulitan.

Kekurangan pengetahuan, bimbingan dan keangan masa antara punca utama penjagaan kesihatan dan amalan pemakanan sihat kurang diberi perhatian dalam kalangan masyarakat.

Selain itu, ramai cepat berputus asa apabila apa yang dihajati tidak membuahkan hasil seperti yang diinginkan. Lebih-lebih lagi jika sesuatu matlamat cuba dicapai secara sendiri tanpa bantuan orang lain.

Namun dengan adanya rakan kesihatan seperti AIA Vitality, ia bukan saja dapat memberi motivasi dan galakan, tetapi mendorong dan memudahkan anda membuat pilihan lebih sihat setiap hari.

AIA Vitality adalah program kesihatan dan kesejahteraan komprehensif dilancarkan AIA Malaysia pada 2016.

Program mengubah in-

## AIA VITALITY

# Pemacu gaya hidup sihat

*AIA Vitality Starter tawar 3 bulan akses percuma kepada rakyat Malaysia*

AIA Vitality Starter, program pengenalan kepada AIA Vitality melengkapkan individu dengan bimbingan, alatan dan insentif untuk memulakan perjalanan ke arah kesejahteraan.

dustri dan berasaskan sains, AIA Vitality adalah yang pertama seumpamanya untuk mengintegrasikan manfaat tambahan ke dalam pelan insurans pelanggan di samping memperkasa mereka untuk mengutamakan kesihatan dan kesejahteraan sambil menikmati ganjaran.

Kini dalam tahun ketujuh, AIA Vitality merekodkan pelbagai pencapaian dan mempunyai lebih daripada 250,000 ahli yang

secara kolektif telah meraih ganjaran RM20 juta dalam usaha mereka untuk menjadi lebih sihat.

Terdahulu, AIA Vitality hanya tersedia untuk pelanggan AIA sahaja. Tetapi kini, AIA Malaysia menawarkan program ini secara percuma kepada orang ramai melalui pelancaran AIA Vitality Starter.

Direka sebagai kit permulaan, AIA Vitality Starter menawarkan kemasukan peringkat pengenalan ke-

pada program AIA Vitality yang melengkapkan individu dengan bimbingan, alat dan insentif untuk memulakan perjalanan kesihatan dan kesejahteraan mereka.

Ia bertujuan menyokong individu mempertingkatkan kesedaran terhadap kesihatan dan memotivasikan mereka untuk mengamalkan pilihan gaya hidup lebih sihat dengan memberi peluang menikmati manfaat AIA Vitality secara langsung melalui akses

percuma tiga bulan.

Ahli AIA Vitality Starter bukan hanya dapat mengetahui keadaan dan tahap kesihatan mereka melalui penilaian dalam talian dan pemeriksaan kesihatan asas secara percuma, malah diberi insentif serta motivasi untuk membuat perubahan positif dalam kehidupan.

### CIRI-CIRI AIA VITALITY STARTER

**Ketahui kesihatan anda:** Penilaian dan pemeriksaan kesihatan asas secara dalam talian secara percuma ditawarkan untuk memberi ahli pemahaman yang jelas mengenai status kesihatan mereka sekarang. Penilaian ini mendedahkan usia Vitality pengguna.

**Tingkatkan kesihatan anda:** Ahli boleh terus kekal aktif dengan menyertai Cabaran Mingguan AIA Vitality yang bertujuan menggalakkan gaya hidup aktif dan menyumbang kepada peningkatan tahap kesihatan melalui aktiviti fizikal yang konsisten.

**Dapatkan ganjaran:** Apabila ahli mengamalkan gaya hidup lebih sihat me-

lalui AIA Vitality Starter, mereka bukan hanya memperbaiki kesejahteraan diri, tetapi meraih ganjaran.

Melalui program ini, mereka boleh memperoleh ganjaran bernilai sehingga RM60 daripada rakan kongsi AIA Vitality seperti Touch 'n Go, Grab Gifts, Shopee dan ZUS Coffee.

Ahli juga layak mendapat tawaran dan diskaun menarik daripada jenama terkenal seperti Garmin, Samsung, Huawei, Klook, dan banyak lagi.

AIA Vitality Starter tersedia secara eksklusif untuk rakyat Malaysia yang bukan ahli AIA Vitality sedia ada.

Ahli baharu ada pilihan menjadi ahli tetap AIA Vitality dan menaik taraf ke program penuh pada akhir tempoh tiga bulan bagi memanfaatkan semua ciri dan ganjaran ditawarkan program tersebut jika mereka adalah pelanggan AIA.

Ambil langkah pertama ke arah kehidupan lebih sihat, berpanjangan dan bermakna bersama AIA Vitality.

Ketahui lebih lanjut mengenai AIA Vitality Starter di <https://www.aia.com.my/en/vitalitystarter.html>

